

SURAH ORANG YANG BERIMAN



Surah: 23 Juzuk: 18 Bil. Ayat: 118

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman.
2. Iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya.
3. Dan mereka yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia.
4. Dan mereka yang menunaikan zakat.
5. Dan mereka yang menjaga kehormatannya.
6. Kecuali kepada isteri-isteri mereka atau hamba sahaya mereka maka sesungguhnya mereka tidak tercela.
7. Kemudian, barang siapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang yang melampaui batas.
8. Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.
9. Dan mereka yang sentiasa memelihara solatnya.
10. Mereka itulah orang yang berhak mewarisi.
11. Yang akan mewarisi syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾

الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾

وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾

إِلَّا عَلَىٰ آزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ  
فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾

فَمَنْ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ  
الْعَادُونَ ﴿٧﴾

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾

أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾

الَّذِينَ يَرْتُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا  
خَالِدُونَ ﴿١١﴾

12. Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada saripati (yang berasal) daripada tanah.
13. Kemudian Kami jadikan «saripati» itu (setitis) air benih pada tempat yang kukuh (rahim).
14. Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. Lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan kemuliaan Allah sebaik-baik Pencipta.
15. Kemudian, sesungguhnya kamu semua selepas itu akan mati.
16. Kemudian sesungguhnya kamu akan dibangkitkan semula pada hari kiamat.
17. Dan sesungguhnya, Kami telah menciptakan tujuh lapisan langit di atas kamu, dan Kami pula tidak lalai terhadap makhluk-makhluk Kami.
18. Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu, serta Kami tempatkannya di bumi; dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya.

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾

ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾

ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظْمًا فَكَسَوْنَا الْعِظْمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ ﴿١٤﴾  
فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٥﴾

ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّتُونَ ﴿١٦﴾

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبْعَثُونَ ﴿١٧﴾

وَلَقَدْ خَلَقْنَا سَبْعَ طَرَائِقَ وَمَا كُنَّا عَنِ الْخَلْقِ غَافِلِينَ ﴿١٨﴾

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً يُقَدِّرُ فَأَسْكَنَهُ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّا عَلَى ذَهَابٍ بِهِ لَقَادِرُونَ ﴿١٨﴾

19. Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (pelbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh sumber makanan.
20. Dan (Kami juga menumbuhkan untuk kamu) pokok yang asal tumbuhnya di kawasan Gunung Tursina, yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang yang makan.
21. Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternakan itu terdapat tanda pengajaran bagi kamu; Kami beri kamu minum dari susu yang ada di dalam perutnya, dan kamu beroleh banyak faedah lagi padanya; dan daripadanya juga kamu beroleh sumber makanan kamu.
22. Dan di atas binatang-binatang ternak itu, serta di atas kapal-kapal, kamu diangkut.
23. Dan sesungguhnya, Kami telah mengutuskan nabi Nuh kepada kaumnya lalu berkatalah dia: «Wahai kaumku, sembahlah kamu akan Allah (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Oleh itu, tidakkah kamu mahu bertakwa kepadanya?».
24. Maka ketua-ketua yang kafir daripada kaumnya berkata

فَأَنْشَأْنَا لَكُمْ بِهِ جَنَّاتٍ مِنْ نَحِيلٍ وَأَعْنَابٍ  
لَكُمْ فِيهَا فَوَاكِهُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿١٩﴾

وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِنْ طُورِ سَيْدَاءَ تَنْبُتُ  
بِالذَّهْنِ وَصَبِغٍ لِلآكِلِينَ ﴿٢٠﴾

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً لِيُسْقِيَهُمْ مِمَّا فِي  
بُطُونِهَا وَلَكُمْ فِيهَا مَنَافِعُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا  
تَأْكُلُونَ ﴿٢١﴾

وَعَلَيْهَا وَعَلَى الْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٢٢﴾

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَقَالَ يَا قَوْمِ  
اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ وَآفَلَكَ  
تَتَّقُونَ ﴿٢٣﴾

فَقَالَ الْمَلَأُو الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَوْمِهِ مَا هَذَا

(sesama sendiri): «Orang ini hanyalah seorang manusia seperti kamu, dia bertujuan hendak melebihi dirinya daripada kamu; dan kalaulah Allah berkehendak (mengutuskan seorang rasul) tentulah Dia menurunkan malaikat menjadi rasulNya. Kami tidak pernah mendengar seruan seperti ini di kalangan nenek moyang kami yang telah lalu».

25. «Dia tidak lain hanyalah seorang lelaki yang gila. Maka tunggulah akan perubahan keadaannya hingga ke suatu masa».

26. Nabi Nuh berdoa dengan berkata: «Wahai Tuhanku, tolonglah aku kerana mereka mendustakan seruanku».

27. Lalu Kami wahyukan kepadanya: «Buatlah bahtera dengan pengawasan Kami, dan dengan panduan wahyu Kami (tentang cara membuatnya); kemudian apabila datang perintah Kami untuk membinasakan mereka, dan air memancut-mancut dari muka bumi (yang menandakan kedatangan taufan), maka masukkanlah ke dalam bahtera itu dua daripada setiap jenis haiwan (jantan dan betina), dan bawalah ahlimu (dan pengikut-pengikutmu) kecuali orang yang telah ditetapkan hukuman azab atasnya di kalangan mereka

إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُرِيدُ أَنْ يَتَفَضَّلَ عَلَيْكُمْ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَأَنْزَلَ مَلَائِكَةً مَا سَمِعْنَا بِهَذَا فِي آبَائِنَا الْأَوَّلِينَ ﴿٤٤﴾

إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌ بِهِ جِنَّةٌ فَرَضُوا عَلَيْهِ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٤٥﴾

قَالَ رَبِّ أَنْصُرْنِي بِمَا كَذَّبُونَ ﴿٤٦﴾

فَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِ أَنْ اصْنَعِ الْفُلَ كَمَا بَعَيْنَا وَوَحَيْنَا فِذَا جَاءَ أَمْرُنَا وَفَارَ التَّنُورُ فَاسْلُكْ فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ وَأَهْلَكَ إِلَّا مَنْ سَبَقَ عَلَيْهِ الْقَوْلُ مِنْهُمْ وَلَا تُخَاطِبُنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٤٧﴾

(disebabkan kekufurannya); dan janganlah engkau merayu kepadaku untuk menolong kaum yang zalim itu, kerana sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan (dengan taufan sehingga mati lemas)».

28. «Kemudian apabila engkau dan orang yang bersamamu telah berada di atas bahtera itu maka hendaklah engkau (bersyukur kepada Allah dengan) berkata: `Segala puji bagi Allah yang telah menyelamatkan kami daripada puak yang zalim.
29. «Dan berdoalah dengan berkata: `Wahai Tuhanku, turunkanlah aku di tempat turun yang berkat, dan Engkau adalah sebaik-baik Pemberi tempat»
30. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (pengajaran); dan sesungguhnya Kami tetap menguji (hamba-hamba Kami).
31. Kemudian Kami ciptakan selepas mereka, umat yang lain.
32. Lalu Kami mengutuskan kepada mereka seorang rasul daripada kalangan mereka (dengan berfirman melalui rasul itu): «Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Maka tidakkah kamu mahu bertakwa kepadanya?»

فَإِذَا أَسْمَوْتِ أَنْتَ وَمَنْ مَعَكَ عَلَى الْفَلَائِكِ فَقُلْ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَجَّاتَنَا مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٢٨﴾

وَقُلْ رَبِّ أَنْزِلْنِي مُنْزِلًا مُبَارَكًا وَأَنْتَ خَيْرُ  
الْمُنْزِلِينَ ﴿٢٩﴾

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ وَإِن كُنَّا لَمُبْتَلِينَ ﴿٣٠﴾

ثُمَّ أَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنًا آخَرِينَ ﴿٣١﴾

فَأَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِنْهُمْ أَنْ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمُ  
مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ وَأَقْلَابَتْ قُلُوبَهُمْ فَكَفَرُوا ﴿٣٢﴾

33. Dan (bagi menolak seruan itu), ketua-ketua daripada kaumnya yang kafir serta mendustakan pertemuan hari akhirat, dan yang Kami mewahkan mereka dalam kehidupan dunia, berkata (sesama sendiri) «Orang ini hanyalah seorang manusia seperti kamu, dia makan daripada apa yang kamu makan, dan minum daripada apa yang kamu minum.
34. «Dan sesungguhnya, jika kamu mentaati manusia seperti kamu, tentulah kamu menjadi orang yang rugi.
35. «Patutkah dia menjanjikan kamu, bahawa sesungguhnya apabila kamu mati dan menjadi tanah dan tulang, kamu akan dikeluarkan (dari kubur hidup semula)?».
36. «Jauh, amatlah jauh (daripada kebenaran) apa yang dijanjikan kepada kamu itu!».
37. «Tiadalah kehidupan yang lain selain daripada kehidupan kita di dunia ini. Kita mati dan kita hidup (silih berganti) dan tidaklah kita akan dibangkitkan hidup semula».
38. «Tiadalah dia (nabi Hud) itu selain daripada seorang lelaki yang mengada-adakan perkara dusta terhadap Allah, dan kami tidak akan beriman kepadanya».
39. Nabi Hud berdoa dengan berkata: «Wahai TuhanKu, tolonglah aku,

وَقَالَ الْمَلَأُ مِنْ قَوْمِهِ الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا  
بِلِقَاءِ آلِ الْآخِرَةِ وَأَتْرَفْنَاهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا  
مَا هَذَا إِلَّا ابْشِرُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٣﴾  
تَأْكُلُونَ مِنْهُ وَيَشْرَبُونَ مِمَّا تَشْتَرُونَ ﴿٢٤﴾

وَلَيْنَ اطَّعْتُمْ بَشَرًا مِثْلَكُمُ إِنَّكُمْ إِذًا لَخَسِرُونَ ﴿٢٥﴾

إِن يَعِدُكُمْ أَنَّكُمْ إِذَا مِتُّمْ وَكُنْتُمْ تُرَابًا وَعِظَامًا  
أَنَّا نُحْيِيكُمْ مِثْلَ حَيَاتِكُمْ إِنَّكُمْ مُحْجَرُونَ ﴿٢٦﴾

\* هَيْهَاتَ هَيْهَاتَ لِمَا تُوعَدُونَ ﴿٢٧﴾

إِنَّ هِيَ إِلَّا أَلْحِيَا تَنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا  
نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ ﴿٢٨﴾

إِنَّ هُوَ إِلَّا رَجُلٌ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا وَمَا  
نَحْنُ لَهُ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٢٩﴾

قَالَ رَبِّ انصُرْنِي بِمَا كُذِّبْتُ ﴿٣٠﴾

kerana mereka telah mendustakan seruanKu».

40. Allah berfirman: «Dalam sedikit masa lagi mereka pasti akan menjadi orang yang menyesal».

قَالَ عَمَّا قَلِيلٍ لَّيُصْبِحُنَّ نَادِمِينَ ﴿٤٠﴾

41. Akhirnya mereka dibinasakan oleh jeritan suara yang menggempakan bumi, dengan benar lagi adil, lalu Kami jadikan mereka sebagai sampah sarap (yang dihanyutkan oleh banjir). Maka kebinasaanlah kesudahannya bagi kaum yang zalim itu.

فَأَخَذَتْهُمُ الصَّيْحَةُ بِالْحَقِّ فَجَعَلْنَاهُمْ غُرُثًا فَبَعَدًا لِلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٤١﴾

42. Kemudian Kami ciptakan, selepas mereka, umat-umat yang lain<sup>(1)</sup>.

ثُمَّ أَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قُرُونًا آخَرِينَ ﴿٤٢﴾

43. Sesuatu umat itu tidak dapat mendahului tempohnya yang telah ditentukan, dan mereka pula tidak dapat melambatkannya.

مَا تَسْبِقُ مِنْ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسْتَأْخِرُونَ ﴿٤٣﴾

44. Kemudian Kami mengutuskan para rasul Kami silih berganti. Setiap kali sesuatu umat didatangi rasulnya, mereka mendustakannya; lalu Kami binasakan umat-umat yang demikian, satu persatu; dan Kami jadikan kisah mereka sebagai cerita-cerita (yang memberi pengajaran); maka kebinasaanlah kesudahannya bagi orang yang tidak beriman.

ثُمَّ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا تَتْرًا كُلًّا مَا جَاءَ أُمَّةً رَسُولُهَا كَذَّبُوهُ فَأَتْبَعْنَا بَعْضَهُمْ بَعْضًا وَجَعَلْنَاهُمْ آحَادِيثًا فَبَعَدًا لِلْقَوْمِ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٤٤﴾

45. Kemudian Kami mengutuskan nabi Musa dan saudaranya: nabi

ثُمَّ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ وَأَخَاهُ هَارُونَ بِآيَاتِنَا وَسُلَاطِينَ مُؤْمِنِينَ ﴿٤٥﴾

1 Umat Nabi Saleh, Nabi Luth dan Nabi Syu'aib.

Harun, dengan membawa ayat-ayat Kami, dan bukti (mukjizat) yang nyata.

46. Kepada Firaun dan kaumnya; lalu mereka menentang (seruan nabi-nabi Allah itu) dengan sombong, serta menjadi kaum yang membesarkan diri.
47. Sehingga mereka berkata (dengan angkuhnya): «Patutkah kita beriman kepada dua manusia seperti kita, sedangkan kaum mereka menjadi orang suruhan kita?»
48. Lalu merekapun mendustakan keduanya, maka jadilah mereka sebahagian daripada kalangan orang yang dibinasakan.
49. Dan sesungguhnya, Kami telah memberikan Nabi Musa Kitab Taurat, semoga mereka beroleh hidayah.
50. Dan Kami jadikan (Nabi Isa) ibni Maryam serta ibunya sebagai satu tanda (mukjizat) dan Kami telah menempatkan keduanya di tanah tinggi, tempat tinggal yang ada tanaman dan mata air yang mengalir<sup>(1)</sup>.
51. Wahai para rasul, makanlah daripada benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amalan soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِۦ فَاسْتَكْبَرُوا وَكَانُوا قَوْمًا عَالِينَ ﴿٤٦﴾

فَقَالُوا لَوْلَا نُؤْمِنُ لِبَشَرَيْنِ مِثْلِنَا وَقَوْمُهُمَا لَنَا عِيدُونَ ﴿٤٧﴾

فَكَذَّبُوهُمَا فَكَانُوا مِنَ الْمُهْلَكِينَ ﴿٤٨﴾

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَىٰ الْكِتَابَ لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٤٩﴾

وَجَعَلْنَا ابْنَ مَرْيَمَ وَأُمَّهُ آيَةً وَآوَيْنَهُمَا إِلَىٰ رَبْوَةٍ ذَاتِ قَرَارٍ وَمَعِينٍ ﴿٥٠﴾

يَتَّيْبُهُا الرُّسُلُ كُلُّوْا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا ۗ إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

1 Satu tempat di Palestin.

52. Dan sesungguhnya agama Islam ini ialah agama kamu - agama yang satu, dan Akulah Tuhan kamu; maka bertakwalah kamu kepadaKu.
53. Kemudian umat para rasul itu berpecah-belah dalam urusan agama mereka kepada beberapa kumpulan, tiap-tiap golongan bergembira dengan apa yang ada pada mereka.
54. Maka biarkanlah mereka tenggelam dalam kesesatan mereka itu hingga ke suatu masa.
55. Adakah mereka menyangka bahawa apa yang Kami berikan kepada mereka daripada harta benda dan anak-pinak itu.
56. (Bermakna bahawa dengan yang demikian) Kami menyegerakan untuk mereka pemberian kebaikan? (Tidak!) Bahkan mereka tidak menyedari (hakikat yang sebenar).
57. Sesungguhnya orang yang sentiasa bimbang disebabkan takut kepada (kemurkaan) Tuhan mereka.
58. Dan orang yang beriman kepada ayat-ayat Tuhan mereka.
59. Dan orang yang tidak mempersekutukan Tuhan mereka dengan sesuatu yang lain.
60. Dan orang yang memberi apa yang mereka berikan sedang hati mereka gementar kerana mereka yakin akan kembali kepada Tuhan mereka.

وَإِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاتَّقُونِ ﴿٥٢﴾

فَتَقَطَّعُوا أَمْرَهُمْ بَيْنَهُمْ زُبُرًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ ﴿٥٣﴾

فَذَرَهُمْ فِي غَمَرَاتِهِمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٥٤﴾

أَيَحْسَبُونَ أَنَّمَا نُمِدُّهُم بِهِ مِنْ مَّالٍ وَبَنِينَ ﴿٥٥﴾

نُسَارِعُ لَهُمْ فِي الْخَيْرَاتِ بَلْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٥٦﴾

إِنَّ الَّذِينَ هُمْ مِنْ خَشْيَةِ رَبِّهِمْ مُشْفِقُونَ ﴿٥٧﴾

وَالَّذِينَ هُمْ بِآيَاتِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٨﴾

وَالَّذِينَ هُمْ بِرَبِّهِمْ لَا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾

وَالَّذِينَ يُؤْتُونَ مَاءَ آتَاؤُهُمْ يَتَّقُونَ مِنْهَا غَمًّا إِنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَاجِعُونَ ﴿٦٠﴾

61. Mereka itulah orang yang segera mengerjakan kebaikan, dan merekalah orang yang terlebih dahulu mendapatnya.
62. Dan Kami tidak membebankan seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya; dan di sisi Kami ada sebuah kitab (suratan amal) yang menyatakan segala-galanya dengan benar, sedang mereka tidak dianiaya.
63. (Sekalipun demikian, orang yang ingkar tidak juga berfikir) bahkan hati mereka tenggelam di dalam kejahilan, lalai daripada (ajaran al-Quran) ini; dan mereka pula mempunyai amalan (jahat) selain daripada itu, yang mereka terus-menerus mengerjakannya.
64. Hingga apabila Kami timpakan azab kepada orang yang mewah di kalangan mereka maka dengan segera mereka menjerit-jerit meminta tolong.
65. (Lalu dikatakan kepada mereka): «Janganlah kamu menjerit-jerit meminta tolong pada hari ini, sesungguhnya kamu tidak akan beroleh sebarang pertolongan daripada Kami».
66. «(Kerana) sesungguhnya ayat-ayatKu telah berkali-kali dibacakan kepada kamu, dalam pada itu kamu berpaling undur ke belakang».

أُولَئِكَ يَسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَهُمْ لَهَا سَابِقُونَ ﴿٦١﴾

وَلَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَلَدِينَا كِتَابٌ يَبْطِئُ بِالْحَقِّ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٦٢﴾

بَلْ قُلُوبُهُمْ فِي غَمْرٍ مِنْ هَذَا وَهُمْ لَا عَمَلٌ مِنْ دُونِ ذَلِكَ هُمْ لَهَا عَمَلُونَ ﴿٦٣﴾

حَتَّىٰ إِذَا أَخَذْنَا مُتْرَفِيهِم بِالْعَذَابِ إِذَا هُمْ يَجْعَرُونَ ﴿٦٤﴾

لَا تَجْعَرُوا الْيَوْمَ إِنَّكُمْ مِنَّا لَا تَنْصُرُونَ ﴿٦٥﴾

فَذَكَرْتَهُ الْبَيْتِ تُشَارِعُ عَلَيْكُمْ فَكُنْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ تَنْكَبُونَ ﴿٦٦﴾

67. «Dengan keadaan sombong kamu mendustakannya, serta mencacinya dalam perbualan kamu pada malam hari».
68. Maka adakah mereka melakukan yang demikian kerana mereka tidak dapat memahami kata-kata ajaran (yang disampaikan kepada mereka)? Atau kerana telah datang kepada mereka sesuatu yang tidak pernah datang kepada nenek moyang mereka yang telah lalu?
69. Atau kerana mereka tidak kenal rasul mereka, lalu mereka mengingkarinya?
70. Atau kerana mereka mengatakan: «Padanya ada penyakit gila?» (Sebenarnya bukan kerana semua itu) bahkan kerana rasul mereka datang kepada mereka membawa agama yang tetap benar, dan tabiat kebanyakan mereka tidak suka kepada sebarang kebenaran.
71. Dan kalaulah kebenaran itu tunduk menurut nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang ada. (Bukan sahaja Kami memberikan agama yang tetap benar) bahkan Kami memberi kepada mereka al-Quran yang menjadi sebutan baik dan mendatangkan kemuliaan kepada mereka; namun al-Quran yang demikian keadaannya, mereka tidak juga mahu menerimanya.

مُسْتَكْبِرِينَ بِهِ سَمِرَاتِ هَجْرُونَ ﴿٦٧﴾

أَفَلَمْ يَدَّبُّوا الْقَوْلَ أَمْ جَاءَهُمْ مَا لَمْ يَأْتِ  
ءَابَاءَهُمْ الْأَوَّلِينَ ﴿٦٨﴾

أَمْ لَمْ يَعْرِفُوا رَسُولَهُمْ فَهُمْ لَهُ مُنْكَرُونَ ﴿٦٩﴾

أَمْ يَقُولُونَ بِهِ جِنَّةٌ بَلْ جَاءَهُم بِالْحَقِّ  
وَأَكْثَرُهُم لِلْحَقِّ كَارِهُونَ ﴿٧٠﴾

وَلَوْ اتَّبَعَ الْحَقُّ أَهْوَاءَهُمْ لَفَسَدَتِ السَّمَوَاتُ  
وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ بَلْ أَتَيْنَاهُمْ بِذِكْرِهِمْ  
فَهُمْ عَن ذِكْرِهِمْ مُعْرِضُونَ ﴿٧١﴾

72. Atau adakah kerana itu engkau meminta kepada mereka suatu imbuhan (sebagai hasil pendapatan seruanmu)? (Ini pun tidak!) Kerana engkau percaya pemberian Tuhanmu lebih baik, dan Dialah jua sebaik-baik Pemberi rezeki.
73. Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) hanya menyeru mereka ke jalan yang lurus.
74. Dan sesungguhnya orang yang tidak beriman kepada hari akhirat, sudah tentu tidak mengikuti jalan yang lurus itu.
75. Dan sekiranya Kami menaruh belas kasihan kepada mereka serta Kami hapuskan kesusahan yang menimpa mereka, nescaya mereka akan tetap terus merabab-raba dalam kesesatan mereka yang melampaui batas itu.
76. Dan sesungguhnya Kami telah menimpakan mereka dengan azab (di dunia), maka mereka tidak juga tunduk patuh kepada Tuhan mereka dan tidak pula berdoa kepadaNya dengan merendah diri (serta insaf).
77. Sehingga apabila Kami bukakan kepada mereka sebuah pintu yang menyebabkan azab yang berat, maka mereka serta-merta berputus asa (dari mendapat sebarang kebaikan).

أَفَتَسْتَأْذِنُهُمْ خَرْجًا فَخَرَجَ رَيْكَ خَيْرٌ وَهُوَ خَيْرُ  
الرَّزْقَيْنِ ﴿٧٢﴾

وَإِنَّكَ لَتَدْعُوهُمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٧٣﴾

وَإِنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ عَنِ  
الصِّرَاطِ لَنُكَابِتُونَ ﴿٧٤﴾

\* وَلَوْ رَحِمْنَاهُمْ وَكَشَفْنَا مَا بِهِمْ مِنْ ضُرِّ  
لَلْجُورِ فِي طُعْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿٧٥﴾

وَلَقَدْ أَخَذْنَاهُمْ بِالْأَعْدَابِ فَمَا أَسْتَكَانُوا  
لِرَبِّهِمْ وَمَا يَتَضَرَّعُونَ ﴿٧٦﴾

حَتَّىٰ إِذَا فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَابًا ذَا عَذَابٍ شَدِيدٍ  
إِذَا هُمْ فِيهِ مُبَسِلُونَ ﴿٧٧﴾

78. Dan Dialah jua yang mengadakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (untuk kamu bersyukur; namun) amatlah sedikit kamu bersyukur.

وَهُوَ الَّذِي أَنشَأَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ  
قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

79. Dan Dialah yang menciptakan serta membiakkan kamu di bumi, dan kepadaNya kamu akan dihimpunkan.

وَهُوَ الَّذِي ذَرَأَكُمْ فِي الْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٧٩﴾

80. Dan Dialah yang menghidupkan dan mematikan; dan Dialah yang menentukan pertukaran malam dan siang. Maka tidakkah kamu mahu berfikir?

وَهُوَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ وَلَهُ اخْتَلَفُ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٨٠﴾

81. (Mereka tidak juga mahu berfikir) bahkan mereka berkata seperti yang dikatakan oleh orang terdahulu (yang ingkar).

بَلْ قَالُوا مِثْلَ مَا قَالَ الْأَوَّلُونَ ﴿٨١﴾

82. Mereka berkata: «Adakah apabila kami telah mati dan kami menjadi tanah dan tulang, kami akan dibangkitkan (hidup semula)?»

قَالُوا أَلَمْ نَدْعُنَاؤُكُمْ تَارَةً إِذْ أَبَوْنَا وَعِظَمْنَا نَنَا  
لَمَبْعُوثُونَ ﴿٨٢﴾

83. «Sesungguhnya, kami telah dijanjikan perkara ini - kami dan nenek moyang kami - dari dahulu lagi; perkara ini hanyalah cerita dongeng orang dahulu kala».

لَقَدْ وُعِدْنَا نَحْنُ وَعَاءِ آبَاؤُنَا هَذَا مِن قَبْلُ  
إِنْ هَذَا إِلَّا أَلْسَانُ طَائِفَةٍ الْأَوَّلِينَ ﴿٨٣﴾

84. Tanyakanlah (wahai Muhammad): «Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya, sekiranya kamu betul mengetahui?»

قُلْ لِّمَنِ الْأَرْضُ وَمَن فِيهَا إِنْ كُنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ ﴿٨٤﴾

85. Mereka akan menjawab: «Milik Allah». Katakanlah: «Mengapa kamu tidak mahu ingat (dan sedar)?»

سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٨٥﴾

86. Tanyakanlah lagi: «Siapakah Tuhan yang memiliki dan mentadbir langit yang tujuh, dan Tuhan yang mempunyai Arasy yang besar?»
87. Mereka akan menjawab: «(Semuanya) milik Allah». Katakanlah: «Mengapa kamu tidak mahu bertakwa?»
88. Tanyakanlah lagi: «Siapakah yang memegang kuasa pemerintahan tiap-tiap sesuatu, serta Dia dapat melindungi (segala-galanya) dan tidak ada sesuatupun yang dapat disembunyikan (daripada kekuasaanNya)? (Jawablah) jika kamu mengetahui!»
89. Mereka akan menjawab: «(Segala-galanya) dikuasai Allah». Katakanlah: «Jika demikian, bagaimana kamu terpedaya (kepada perkara yang tidak benar)?»
90. (Bukanlah sebagaimana tuduhan mereka) bahkan Kami telah bawakan kepada mereka keterangan yang benar, dan sesungguhnya mereka adalah pendusta.
91. Allah tidak sama sekali memilih seseorang sebagai anakNya, dan tidak ada sama sekali sebarang tuhan bersamaNya; (kalaulah ada banyak tuhan) tentulah tiap-tiap tuhan itu akan menguasai dan menguruskan

قُلْ مَنْ رَبُّ السَّمَوَاتِ السَّبْعِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿٨٦﴾

سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٨٧﴾

قُلْ مَنْ مِنْ يَدَيْهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ يُجِيرُ وَلَا يُجَارُ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٨٨﴾

سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ فَأَنَّى تُسْحَرُونَ ﴿٨٩﴾

بَلْ آتَيْنَاهُم بِالْحَقِّ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿٩٠﴾

مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِنْ وَلَدٍ وَمَا كَانَ مَعَهُ مِنْ إِلَهٍ إِذًا لَذَهَبَ كُلُّ إِلَهٍ بِمَا خَلَقَ وَلَعَلَّ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُصِفُونَ ﴿٩١﴾

segala yang diciptakannya dengan bersendirian, dan tentulah sebahagiannya akan bertindak mengatasi sebahagiannya yang lain. Maha Suci Allah daripada apa yang dikatakan oleh mereka (yang musyrik) itu.

92. (Allah) Yang mengetahui segala yang tersembunyi dan yang nyata; maka (dengan yang demikian) Maha Tinggilah keadaanNya daripada segala yang mereka sekutukan.
93. Katakanlah (wahai Muhammad): «Wahai Tuhanku, kiranya Engkau hendak memperlihatkan kepadaku (azab) yang dijanjikan kepada mereka (di dunia)».
94. «Maka wahai Tuhanku, janganlah Engkau biarkan aku tinggal di kalangan kaum yang zalim itu».
95. Dan sesungguhnya Kami berkuasa memperlihatkan kepadamu azab yang Kami janjikan kepada mereka.
96. Tolaklah kejahatan yang dilakukan kepadamu dengan cara yang sebaik-baiknya, Kami Maha Mengetahui apa yang mereka sifatkan itu.
97. Dan katakanlah: «Wahai Tuhanku, aku berlindung kepadaMu daripada hasutan syaitan-syaitan».

عَلِيمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَتَعَلَّىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٩٢﴾

قُلْ رَبِّ إِمَّا تُرِيدُنِي مَا وَعَدْتَ وَنَدَّوْنَ ﴿٩٣﴾

رَبِّ فَلَا تَجْعَلْنِي فِي الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٩٤﴾

وَإِنَّا عَلَيَّ أَنْ تُرِيدَ مَا نَعِدُهُمْ لَقَدْ رُؤُونٌ ﴿٩٥﴾

أَدْفَعْ بِأَلْيَدِنَا هِيَ أَحْسَنُ السَّيِّئَةِ نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَصِفُونَ ﴿٩٦﴾

وَقُلْ رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنَ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ ﴿٩٧﴾

98. «Dan aku berlindung kepadaMu, wahai Tuhanku, supaya syaitan-syaitan itu tidak mendekatiku».
99. Kesudahan golongan yang kafur itu apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara mereka, berkatalah dia: «Wahai Tuhanku, kembalikanlah aku (hidup semula di dunia)».
100. «Semoga aku dapat mengerjakan amalan yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan». Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya ungkapan itu hanyalah kata-kata yang dia sengaja mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh<sup>(1)</sup> (yang mereka tinggal di dalamnya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat).
101. Kemudian, apabila ditiup sangkakala, maka pada hari itu tiada lagi manfaat pertalian kerabat di antara mereka, dan mereka tidak lagi sempat bertanya-tanya.
102. Maka sesiapa yang berat timbangan amal baiknya, maka mereka itulah orang yang berjaya.
103. Dan sesiapa yang ringan timbangan amal kebajikannya, maka merekalah orang yang merugikan diri sendiri; mereka kekal di dalam neraka Jahannam.

وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَنْ يَحْضُرُونِ ﴿٩٨﴾

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبِّ  
أَرْجِعُونِ ﴿٩٩﴾

لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا  
إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ  
بَرْزَخٌ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٠٠﴾

فَإِذَا نُفِخَ فِي الصُّورِ فَلَا أَنْسَابَ بَيْنَهُمْ يَوْمَئِذٍ  
وَلَا يَتَسَاءَلُونَ ﴿١٠١﴾

فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ وَقَالَ لِتِيكَ هُمْ  
الْمُقْتَلُونَ ﴿١٠٢﴾

وَمَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ وَقَالَ لِتِيكَ الَّذِينَ  
خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ فِي جَهَنَّمَ خَالِدِينَ ﴿١٠٣﴾

1 Alam kubur.

104. Api neraka itu membakar muka mereka, dan tinggallah mereka di situ dengan keadaan muka yang hodoh cacat.
105. (Sambil dikatakan kepada mereka): «Bukankah ayat-ayatKu selalu dibacakan kepada kamu, lalu kamu terus-menerus mendustakannya?»
106. Mereka menjawab: «Wahai Tuhan kami, kami telah dikalahkan oleh kejahatan kami, dan dengan itu jadilah kami kaum yang sesat».
107. «Wahai Tuhan kami, keluarkanlah kami dari neraka ini (serta kembalikanlah kami ke dunia); setelah itu kalau kami kembali lagi (mengerjakan kemunggaran), maka sesungguhnya kami orang yang zalim».
108. (Allah) berfirman: «Diamlah kamu dengan kehinaan di dalamnya (neraka), dan janganlah kamu berkata-kata (memohon sesuatu pun) kepadaKu!»
109. «Sesungguhnya ada sepuak daripada hamba-hambaKu (di dunia dahulu) memohon kepadaKu dengan berkata: `Wahai Tuhan kami, kami telah beriman; maka ampunkanlah dosa kami serta berilah rahmat kepada kami, dan sememangnya Engkaulah jua sebaik-baik Pemberi rahmat.

تَلْفَحُ وُجُوهَهُمُ النَّارُ وَهُمْ فِيهَا كَالِحُونَ ﴿١٠٤﴾

أَلَمْ تَكُنْ آيَاتِي تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَكُنْتُمْ بِهَا تُكَذِّبُونَ ﴿١٠٥﴾

قَالُوا رَبَّنَا غَلَبَتْ عَلَيْنَا شِقْوَتُنَا وَكُنَّا قَوْمًا ضَالِّينَ ﴿١٠٦﴾

رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْهَا فَإِنَّا عُدْنَا فَإِنَّا ظَالِمُونَ ﴿١٠٧﴾

قَالَ أَحْسَبُؤُنَّ فِيهَا وَلَا تَكْفُرُونَ ﴿١٠٨﴾

إِنَّهُمْ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْ عِبَادِي يَقُولُونَ رَبَّنَا آمَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا وَأَرْحَمْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ ﴿١٠٩﴾

110. «Maka kamu jadikan mereka bahan ejekan sehingga ejekan kamu kepada mereka menyebabkan kamu melupai balasanKu, dan kamu pula sentiasa mentertawakan mereka.
111. «Sesungguhnya Aku membalas mereka pada hari ini (dengan sebaik-baik balasan) disebabkan kesabaran mereka; sesungguhnya mereka itulah golongan yang berjaya».
112. Allah bertanya lagi (kepada mereka yang kafir itu): «Berapa tahun lamanya kamu telah tinggal di bumi?»
113. Mereka menjawab: «Kami tinggal (di dunia) selama sehari atau sebahagian daripada sehari; maka bertanyalah kepada golongan (malaikat) yang menjaga urusan menghitung».
114. Allah berfirman: «Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan sekejap sahaja, kalau kamu dahulu mengetahui hal ini (tentulah kamu bersiap sedia)».
115. «Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (daripada tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?»

فَاتَّخَذْتُمُوهُمْ سِحْرِيَّ حَتَّىٰ أَنتَوَكَّرْتُمْ  
وَكُنْتُمْ مِنْهُمْ تَضْحَكُونَ ﴿١١٠﴾

إِنِّي جَزَيْتُهُمُ الْيَوْمَ بِمَا صَبَرُوا أَنَّهُمْ هُمُ  
الْفَائِزُونَ ﴿١١١﴾

قَالَ كَوْلَيْتُمُوهُ فِي الْأَرْضِ عَدَدَ سِنِينَ ﴿١١٢﴾

قَالُوا لَيْسَ بِنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ فَتَنَّا الْعَادِينَ ﴿١١٣﴾

قَالَ إِنْ لَيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا لَّوَأَنَّكُمْ كُنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ ﴿١١٤﴾

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا  
لَا تُرْجَعُونَ ﴿١١٥﴾

116. Maka (dengan yang demikian) Maha Tinggilah Allah Yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Maha Benar; tiada Tuhan melainkan Dia, Tuhan yang mempunyai Arasy yang mulia.
117. Dan sesiapa yang menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah, tanpa berdasarkan sebarang keterangan mengenainya, maka sesungguhnya hitungannya (dan balasan amalnya yang jahat itu) disediakan di sisi Tuhannya. Sesungguhnya orang yang kafir tidak akan berjaya.
118. Dan berdoalah (wahai Muhammad dengan berkata): «Wahai Tuhanku, ampunkanlah dan rahmatilah aku, dan sememangnya Engkaulah sahaja sebaik-baik Pemberi rahmat!»

فَتَعَلَى اللَّهِ الْمَلِكُ الْحَقُّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ  
الْعَرْشِ الْكَبِيرِ ﴿١١٦﴾

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ  
بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ  
الْكَاْفِرُونَ ﴿١١٧﴾

وَقُلْ رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ ﴿١١٨﴾

